Nama: _____ Tarikh: _____

Latihan Kata Kerja

merebus	menambat	menggilap	menghamparkan	mencedok
membantah	menyarungkan	menggubah	merenjis	mendodoikan
mencandat	mereneh	menyulam	menyandarkan	menjulang

1. Jun Zhe _____ badannya pada tiang itu sambil menunggu ibunya.
2. Pelayan itu _____ nasi ke piring lalu menghidangkannya kepada pelanggan.
3. Xian Xu membantu ibunya _____ tikar di bawah pokok yang rendang.
4. Tetamu jemputan sedang _____ air mawar pada tangan pengantin perempuan itu di pelamin.
5. Masakan yang dimasak oleh tukang masak di hotel bertaraf lima bintang itu sungguh _____ selera.
6. Irwin _____ kasut kulitnya sehingga berkilat-kilat sebelum memakainya.
7. Pengantin lelaki itu _____ sebentuk cincin berlian pada jari manis pengantin perempuan yang kelihatan tersipu-sipu itu.
8. Pemenang acara lumba lari itu _____ pialanya sambil tersenyum lebar di atas podium.
9. Mak Cik Shannel _____ ubat di dapur untuk cucunya yang sakit.
10. Hannes berasa girang hati kerana dia dan ayahnya berpeluang _____ sotong.
11. Hui Ying menolong ibunya menanak nasi dan _____ telur untuk mengurangkan beban ibunya.
12. Mak Cik Jasmine _____ bayi yang tidur lena di dalam buaian dengan suara yang merdu seperti buluh perindu.
13. Para penduduk _____ sekeras-kerasnya tentang projek megah yang bakal diadakan di kawasan perumahan mereka kerana akan mengundang masalah pencemaran.
14. Yeoh Koay Ren Jun amat berbakat dalam bidang muzik. Dia telah berjaya _____ beberapa buah lagu yang menyentuh sanubari.
15. Yi Heng dan Yu Jin berasa kagum melihat wanita itu _____ corak bunga ros yang cantik pada sehelai kain.

----------Disediakan oleh: Cikgu Tan HS----------

LIVEWORKSHEETS